



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72
No. 5

28hb Februari 2019

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 5 Disember 2018 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 12 Februari 2019 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment, passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 5 December 2018 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 12 February 2019 is published for general information:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A43	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2018
Enactment A43	Administration of the Religion of Islam (Perak) (Amendment) Enactment 2018



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen A43

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PERAK) (PINDAAN) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja 12 Februari 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 28 Februari 2019

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen A43

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan Perak

12 Februari 2019

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 Tahun 2004*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda, di mana-mana jua terdapat, dengan menggantikan—

- (a) perkataan “Hambali” dengan perkataan “Hanbali”;
- (b) perkataan “nazr” dengan perkataan “nazar”; dan
- (c) perkataan “ ’am” dengan perkataan “am”.

Pindaan seksyen 2

3. Subseksyen 2(1) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas tafsiran “Hakim Mahkamah Rayuan Syariah” tafsiran yang berikut:

‘ “hibah” ertinya sesuatu pemberian yang diberikan oleh seseorang semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan menurut Hukum Syarak;’;

- (b) dengan menggantikan tafsiran “Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Utama Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 44(1), (2), (3) atau (3A);’; dan

- (c) dengan memotong tafsiran “Mahkamah Rayuan Syariah”.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat, pentadbir harta pusaka seseorang si mati, pentadbir mana-mana hibah atau pemegang amanah mana-mana amanah.”.

Pindaan seksyen 9

5. Seksyen 9 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan, di mana-mana jua terdapat perkataan “Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]”.

Pindaan seksyen 13

6. Seksyen 13 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis.”.

Pindaan seksyen 35

7. Seksyen 35 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan “dan”;
 - (ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:
 - “(c) anggota-anggota yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan seperti berikut:
 - (i) seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Perak yang layak dan sesuai yang dinamakan oleh Pengarah Jabatan itu; dan

(ii) tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada tujuh orang lain yang layak dan sesuai, yang arif dalam Hukum Syarak, selepas berunding dengan Mufti.”; dan

(iii) dengan memotong perenggan (d), (e) dan (f);

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dinamakan oleh Mufti hendaklah menjadi Setiausaha.”; dan

(c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “Mufti” perkataan “dan Timbalan Mufti”.

Pindaan seksyen 44

8. Seksyen 44 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Utama Syariah bagi Negeri Perak Darul Ridzuan.”.

Pindaan seksyen 67

9. Seksyen 67 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik seorang Timbalan Ketua Pendakwa Syarie.”;

- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan perkataan “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie dan” sebelum perkataan “Pendakwa-Pendakwa Syarie”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Timbalan Ketua Pendakwa Syarie hendaklah bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie semasa ketiadaan Ketua Pendakwa Syarie atau pada waktu ia tidak berupaya bertindak sebagainya.”.

Pindaan seksyen 68

10. Seksyen 68 Enakmen ibu dipinda, dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan, di mana-mana jua terdapat perkataan “rukun-rukun” dengan perkataan “perintah-perintah”.

Pindaan seksyen 69

11. Seksyen 69 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Walau apa pun subseksyen (1) dan (3), pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mewakili Majlis dalam mana-mana prosiding di hadapan Mahkamah Syariah.”; dan

- (b) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “boleh”.

Pindaan seksyen 70

12. Perenggan 70(1B)(a) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan” dengan koma; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “pemberian” perkataan “dan hibah”.

Pindaan seksyen 71**13.** Seksyen 71 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memotong perkataan “, termasuk anggaran segala harta dan segala barang boleh lupus,”;
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan “, selepas berunding dengan Menteri Besar,”;
- (c) dengan memotong subseksyen (3); dan
- (d) dalam subseksyen (4) dengan memotong perkataan “, dan anggaran itu boleh diluluskan atau dipinda, dan hendaklah disiarkan mengikut subseksyen (2) dan (3)”.

Pindaan seksyen 72**14.** Subseksyen 72(1) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “harta tak alih,” perkataan “harta alih,”.**Pindaan seksyen 73****15.** Subseksyen 73(4) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Cek” dengan perkataan “Apa-apa bayaran”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “ditandatangani oleh Yang Dipertua atau” dengan perkataan “diluluskan oleh”.

Pindaan seksyen 74A**16.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 74 seksyen yang berikut:**“Piawaian Perakaunan**

74A. (1) Dalam menyediakan penyata kewangannya, Majlis hendaklah mematuhi mana-mana piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Majlis, wajar untuk berbuat demikian, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Majlis.

(2) Pihak-pihak yang mengaudit penyata kewangan Majlis hendaklah menerima piawaian perakaunan yang diterima pakai oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 75

17. Seksyen 75 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula dengan menggantikan perkataan “tiap-tiap” dengan perkataan “badan-badan dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Tanpa menjejaskan kuasa Majlis di bawah subseksyen (1), Majlis boleh melantik badan-badan atau orang lain atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis untuk—

- (a) melaksanakan tugas pungutan Zakat dan Fitrah;
- (b) melaksanakan tugas pengagihan Zakat dan Fitrah kepada asnaf-asnaf; atau
- (c) menguruskan atau menjalankan apa-apa aktiviti atau membuat apa-apa transaksi yang perlu berhubung Zakat dan Fitrah.”.

Pindaan seksyen 80

18. Seksyen 80 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “alang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “hibah”.

Pindaan Jadual Pertama

19. Jadual Pertama Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas butiran “Hadhanah- **حضانة**” butiran “Hibah - **هبة**” ; dan
- (b) dengan menggantikan butiran “Syariah - **شريعة**” dengan butiran “Syariah - **شرعية**”.

Kecualian dan peralihan

20. (1) Semua peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang dan surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Enakmen ibu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang atau surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana pegawai dan orang yang dilantik di bawah Enakmen ibu yang memegang jawatan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus memegang jawatan di bawah Enakmen ini sehingga habis tempoh pelantikan mereka atau mereka meletakkan jawatan atau pelantikan mereka dibatalkan mengikut Enakmen ini dan hendaklah mempunyai kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, kewajipan dan obligasi yang sama seolah-olah mereka telah dilantik di bawah Enakmen ini.

(3) Tiap-tiap perbuatan atau benda yang dilakukan, diambil atau dimulakan oleh pegawai-pegawai dan orang yang disebut dalam subseksyen (2) di bawah Enakmen ibu sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, disifatkan telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Enakmen ini.

Bertarikh 9 November 2018

[MAIPk(BP)A603/908; PU.Pk. 10/04]

DATO' ROHANA ABD MALEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan*



LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment A43

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(PERAK) (AMENDMENT) ENACTMENT 2018**

Date of Royal Assent	12 February 2019
Date of publication in the <i>Gazette</i>		...	28 February 2019

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment A43

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan of Perak

12 February 2019

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (Perak) Enactment 2004.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (Perak) (Amendment) Enactment 2018.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by Duli Yang Maha Mulia Sultan by notification in the *Gazette*.

General amendment

2. The Administration of the Religion of Islam (Perak) 2004 [*Enactment No. 4 Of 2004*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended, wherever appearing, by substituting—

- (a) for the word “Hambali” the word “Hanbali”;
- (b) for the word “*nazr*” the word “*nazar*”; and
- (c) for the word “*'am*” the word “*am*”.

Amendment of section 2

3. Subsection 2(1) of the principal Enactment is amended—

- (a) by inserting after the definition of “Syariah Appeal Court Judge” the following definition:

“*hibah*” means a grant of property given by a person during his lifetime without any considerations in accordance with *Hukum Syarak*;’;

- (b) by substituting for the definition of “Syariah Court” or “Court” the following definition:

““Syariah Court” or “Court” means the Syariah Subordinate Court, the Syariah High Court, the Syariah Appeal Court or the Syariah Supreme Court, as the case may be, established under subsection 44(1), (2), (3) or (3A);’; and

- (c) by deleting the definition of “Syariah Appeal Court”.

Amendment of section 5

4. Section 5 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) The Majlis shall have power to act as an executor of a will, an administrator of the estate of a deceased person, an administrator of any *hibah* or a trustee of any trust.”.

Amendment of section 9

5. Section 9 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “Companies Act 1965 [*Act 125*]” wherever appearing the words “Companies Act 2016 [*Act 777*]”.

Amendment of section 13

6. Section 13 of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing section as subsection (1);
and

(b) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) Notwithstanding subsection (1), Duli Yang Maha Mulia Sultan may, in His discretion, at any time revoke the appointment of any member of the Majlis.”.

Amendment of section 35

7. Section 35 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (2)—

(i) in paragraph (b), by inserting after semicolon the word “and”;

(ii) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) members appointed by Duli Yang Maha Mulia Sultan as follows:

(i) a fit and proper officer from the Islamic Religious Department of Perak nominated by the Director of that Department; and

(ii) not less than four and not more than seven of other fit and proper persons, who are learned in *Hukum Syarak*, after consulting the *Mufti*.”; and

(iii) by deleting paragraphs (d), (e) and (f);

(b) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(2A) An officer from the *Mufti’s* Department nominated by the *Mufti* shall be the Secretary.”; and

(c) in subsection (4), by inserting after the words “the *Mufti*” the words “and the Deputy *Mufti*”.

Amendment of section 44

8. Section 44 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (3) the following subsection:

“(3A) Duli Yang Maha Mulia Sultan, after consulting the Majlis, may by notification in the *Gazette* constitute a Syariah Supreme Court for the State of Perak Darul Ridzuan.”.

Amendment of section 67

9. Section 67 of the principal Enactment is amended—

(a) by inserting after subsection (1) the following subsection:

“(1A) Duli Yang Maha Mulia Sultan, after consulting the Majlis, may appoint a Deputy Chief Syariah Prosecutor.”;

(b) in subsection (4), by inserting the words “Deputy Chief Syariah Prosecutor and” before the words “Syariah Prosecutors”; and

(c) by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) Deputy Chief Syariah Prosecutor shall act as the Chief Syariah Prosecutor in case of the absence or inability to act of the Chief Syariah Prosecutor.”.

Amendment of section 68

10. Section 68 of the principal Enactment is amended, in the national language text by substituting, wherever appearing for the words “rukun-rukun” the words “perintah-perintah”.

Amendment of section 69

11. Section 69 of the principal Enactment is amended—

(a) by inserting after subsection 3 the following subsection:

“(3A) Notwithstanding subsections (1) and (3), officer of the Majlis authorized by the Majlis may represent the Majlis in any proceeding before a Syariah Court.”; and

(b) in subsection (4) by substituting for the word “shall” the word “may”.

Amendment of section 70

12. Paragraph 70(1B)(a) of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for the word “and” the comma; and

(b) by inserting after the word “gifts” the words “and *hibah*”.

Amendment of section 71

13. Section 71 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (1) by deleting the words “, including the estimates of all property and disposables in kind,”;

(b) in subsection (2) by deleting the words “, after consulting the Menteri Besar,”;

- (c) by deleting subsection (3); and
- (d) in subsection (4) by deleting the words “, and the estimates may be approved or amended, and shall be published in accordance with subsections (2) and (3)”.

Amendment of section 72

14. Subsection 72(1) of the principal Enactment is amended by inserting after the words “immovable property,” the words “movable property,”.

Amendment of section 73

15. Subsection 73(4) of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting for the word “Cheques” the words “Any payment”; and
- (b) by substituting for the words “signed by the President or” the words “approved by”.

New section 74A

16. The principal Enactment is amended by inserting after section 74 the following section:

“Accounting Standards

74A. (1) In preparing its financial statements, the Majlis shall comply with any accounting standards to the extent that it is, in the opinion of the Majlis, appropriate to do so, having regard to the objects and functions of the Majlis.

(2) Parties auditing financial statement of the Majlis shall accept the accounting standards adopted by the Majlis.”.

Amendment of section 75

17. Section 75 of the principal Enactment is amended—

- (a) by renumbering the section as subsection (1);
- (b) in subsection (1) as renumbered by substituting for the words “every” the words “bodies and”; and
- (c) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) Without prejudice to the power of the Majlis under subsection (1), the Majlis may appoint other bodies or persons on the terms and conditions prescribed by the Majlis to—

- (a) execute the duty of collection of *Zakat* and *Fitrah*;
- (b) execute the duty of distribution of *Zakat* and *Fitrah* to the beneficiaries; or
- (c) manage or carry out any activity or make any transaction required relating to *Zakat* and *Fitrah*.”.

Amendment of section 80

18. Section 80 of the principal Enactment is amended wherever appearing, by substituting for the word “gift” the word “*hibah*”.

Amendment of First Schedule

19. The First Schedule of the principal Enactment is amended—

- (a) by inserting after item “Hadhanah - *حضانة*” item “Hibah - *هبة*”; and
- (b) by substituting for item “Syariah - *شريعة*” item “Syariah - *شرعية*”.

Savings and transitional

20. (1) All regulations, rules, proclamations, orders, notifications, notices, forms and authorization letters issued or made under or by virtue of the principal Enactment shall, on the coming into operation of this Enactment, remain in force, in so far as they are not inconsistent with this Enactment, until revoked or replaced by regulations, rules, proclamations, orders, notification, notices, forms or authorization letters issued or made under this Enactment.

(2) Any officers and persons appointed under the principal Enactment holding office before the coming into operation of this Enactment shall, on the coming into operation of this Enactment, continue to hold office under this Enactment until their term of appointments expire or they resign or their appointments are revoked in accordance with this Enactment and shall have the same powers, rights, privileges, liabilities, duties and obligations as if they had been appointed under this Enactment.

(3) Every acts or things done, taken or commenced by the officers and persons referred to in subsection (2) under the principal Enactment before the coming into operation of this Enactment shall, on the coming into operation of this Enactment, be deemed to have been done, taken or commenced under this Enactment.

Dated 9 November 2018

[MAIPk.(BP) A603/908; PU.Pk. 10/04]

DATO' ROHANA ABD MALEK
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

